

# Royal Challenge Treasure Hunt 2008

Salsuwanda Dato' Selamat  
(Jurutera Pengajar)

## MAJLIS PENUTUP & PENYAMPAIAN HADIAH ROYAL CHALLENGE TREASURE HUNT 2008

Bersempena sambutan ulangtahun hari keputeraan ke-65 DYMM Tuanku Raja Perlis, PPKAS telah menghantar tiga pasukan untuk beradu kekuatan fizikal dan mental dalam acara Royal Challenge Treasure Hunt 2008. Acara penjelajahan menggunakan kereta ini meliputi segenap pelusuk negeri Perlis sejauh lebih 100 km. Upacara flag off disempurnakan Canselor UniMAP, DYTM Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail bertempat di Dewan Wawasan. Baginda turut memeriahkan acara ini dengan menyertai lebih 100 pasukan berentap dalam penjelajahan tersebut.

Setiap pasukan terdiri daripada 4 peserta diuji pengetahuan tentang selok belok jaringan jalanraya dan perlu menjawab soalan-soalan berkaitan pemerintahan diraja di negeri Perlis. Pelbagai teka-teki dan tugas juga perlu diselesaikan dalam usaha membawa setiap pasukan mara ke lokasi-lokasi penjelajahan berikutnya.

Penjelajahan yang mengambil masa hampir enam jam untuk berakhir ditamatkan di Dewan Warisan di mana majlis penutup dan penyampaian hadiah berlangsung. Salah satu wakil PPKAS, X-Plod yang diketuai Cik Mahyun Ab Wahab berjaya menduduki tempat ketiga dalam kategori terbuka. Pasukan X-Plod berjaya membawa pulang wang tunai berjumlah RM 500 dan hadiah berupa barang elektrik.

